

KEPADA : Siswa/Siswi  
Universiti Selangor (UNISEL)

---

**HEBAHAN TAQWIM BANTUAN KEWANGAN UNISEL UNTUK**  
**SISWA/SISWI UNISEL**  
**YANG MEMERLUKAN BANTUAN KEWANGAN**

Dimaklumkan bahawa **Taqwim Bantuan Kewangan** di bawah ini adalah untuk makluman dan perhatian siswa/siswi UNISEL yang memerlukan bantuan kewangan bagi menampung perbelanjaan sepanjang pengajian di UNISEL seperti yuran pengajian, wang saku, dan sebagainya.

Sehubungan itu, sila rujuk tarikh permohonan dan klik pautan laman web bantuan kewangan yang disediakan untuk maklumat lanjut berkenaan prosedur permohonan bantuan kewangan yang diperlukan.

Untuk makluman, bantuan kewangan adalah berbentuk :

1. Pinjaman :

- Bantuan kewangan yang perlu dibayar balik selepas tamat tempoh tajaan.
- Namun, ada antara pinjaman yang boleh dimohon pelajar untuk ditukarkan kepada biasiswa (tertakluk kepada syarat agensi tajaan).

2. Biasiswa :

- Bantuan kewangan yang tidak perlu dibayar balik selepas tamat tempoh tajaan.

3. Dermasiswa :

- Bantuan kewangan untuk pelajar mohon sekali setiap tahun sepanjang tempoh pengajian.
- Terbuka kepada semua pelajar yang telah mempunyai tajaan atau tiada tajaan.

\*Semua bantuan kewangan adalah tertakluk kepada syarat-syarat agensi tajaan.

Sekian, harap maklum.